

IMPLIKASI PINDAAN AKTA 164 TERHADAP PERKAHWINAN DAN HARTA PUSAKA MUALAF

The Implications of The Amendment of Act 164 to Marriage and Inheritance Property of Convert

RINA FAKHIZAN MOHD SUKRI, Universiti Kebangsaan Malaysia

ZULIZA MOHD KUSRIN, Universiti Kebangsaan Malaysia

MOHD ZAMRO MUDA, Universiti Kebangsaan Malaysia

Received: March 2, 2020

Accepted: April 16, 2020

Online Published: June 15, 2020

URL: <http://www.ukm.my/jcil>

ABSTRAK

Pemelukan agama Islam oleh salah satu pihak, suami atau isteri perkahwinan sivil, lazimnya menimbulkan implikasi perundangan sama ada mengenai diri mualaf atau terhadap ahli keluarga. Isu berbangkit melibatkan pasangan daripada perkahwinan sivil, apabila salah seorang daripadanya memeluk agama Islam, antaranya ialah pembubaran perkahwinan, dan perwarisan serta pembahagian harta perkahwinan. Justeru, penulisan ini akan membincangkan pindaan terkini ke atas Akta Memperbaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 atau Akta 164 yang melibatkan pasangan perkahwinan sivil yang memeluk Islam. Objektif penulisan ini ialah menilai implikasi pindaan Akta 164 terhadap permohonan pembubaran perkahwinan dan perwarisan serta pembahagian harta antara pasangan mualaf dan pasangan yang kekal sebagai non-muslim. Penulisan menghurai secara kualitatif data-data yang dikumpul menggunakan analisa deskriptif dan dipersembahkan mengikut tematema yang sesuai. Analisis Data mendapatkan sebelum pindaan Akta 164 diluluskan, terdapat kes di mana harta pusaka mualaf diberikan kepada pasangannya yang tidak memeluk agama Islam. Ini kerana perkahwinan sivil mereka kekal dan sah dari sudut perundangan sivil dan tidak terbubar disebabkan pengislaman pasangannya. Seksyen 51 Akta 164 telah dipinda pada tahun 2017, namun sehingga kini masih belum terdapat kes-kes yang berkaitan. Namun, pindaan membolehkan perkahwinan sivil dibubarkan kerana hak diberi kepada pihak yang tidak memeluk Islam serta mualaf untuk memohon membubarkan perkahwinan sivil mereka. Kajian ini merumuskan bahawa selepas berlaku pindaan terhadap Akta 164, isu pembubaran perkahwinan sivil dapat diselesaikan termasuk juga isu perwarisan bagi pihak yang memeluk agama Islam. Pindaan ini secara langsung memudahkan kedua-dua pihak meyelesaikan isu pembahagian harta pusaka. Sekiranya perkahwinan telah terbubar secara langsung harta pusaka tidak akan dapat diwarisi oleh pihak yang tidak memeluk agama Islam dan pembahagian harta pusaka boleh dibahagikan kepada pihak yang layak untuk menerima. Sekiranya pihak yang memeluk agama Islam tidak mempunyai waris yang beragama Islam, harta pusaka tersebut akan diberikan kepada baitulmal.

Kata Kunci: Pindaan Akta 164, mualaf, perwarisan, perkahwinan, Malaysia

ABSTRACT

Conversion to Islam by one of the spouses in civil marriages, either by husband or wife, often raises legal implications to the new convert or his family members. Such issues concerns are dissolution of marriage, inheritance of property and division of matrimonial property between them. Thus, the objective of this article is to discuss on the recent amendment of Law Reform (Marriage and Divorce) Act 1976 or Act 164 involving the converts. The objective of this article is to discusses on the legal implication of the amendment of Act 164 towards petition of dissolution of marriage, inheritance and division of matrimonial property, between the convert and his non-Muslim spouse. This is a qualitative research, where data collected are analysed descriptively and presented according to its relevant theme. The research discovers that before the amendment of the Act 164, there were decided cases that awarded Muslim's covert property to the non-Muslim spouse. This is because a civil marriage does not automatically dissolve solely due to the conversion of his or her spouse. Since the amendment of section 51 of the Act 164 is in 2017, it is still early to evaluate on the effectiveness of the amendment. The research concludes that the amendment gives rights to both parties to apply for petition of divorce. The amendment of the Act 164 also provides that division of matrimonial property is given to Muslim's legal heirs and if there are not any, it will be given to the Baitulmal. However, the amendment has given the jurisdiction to the civil courts to adjudicate the case based on civil law that impliedly has decreased the Sharia's Court jurisdiction.

Keywords: amendment of Act 164, mualaf, inheritance, marriage, Malaysia

PENDAHULUAN

Di Malaysia perundangan bagi undang-undang diri terbahagi kepada dua iaitu undang-undang diri untuk orang Islam dan undang-undang diri bagi orang bukan Islam (Noraziah Mohd Awal 2007). Apabila seseorang memeluk Islam atau juga dipanggil sebagai mualaf akan menyebabkan berlaku perubahan di dalam kehidupan individu tersebut. Bagi orang yang beragama Islam urusan diri dan kekeluargaan mereka akan mengikut undang-undang keluarga Islam di setiap negeri (Nurhafilah Musa & Faridah Jalil 2017). Manakala bagi orang bukan Islam undang-undang diri yang memperuntukkan hal-hal berkaitan perkahwinan dan perceraian ialah Akta Memperbaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (Akta 164)(selepas ini disebut sebagai AMU).

Perundangan yang berbeza melibatkan orang Islam dan orang bukan Islam menjemput perselisihan dalam kehidupan pasangan perkahwinan sivil yang memeluk agama Islam. Ini kerana undang-undang Islam telah mempunyai peruntukan yang khusus mengenai kesan pertukaran agama terhadap status perkahwinan. Antara isu yang akan timbul ialah apakah status pasangan perkahwinan sivil selepas memeluk agama Islam menurut perspektif undang-undang sivil apabila hanya salah satu pasangan memeluk Islam dan pasangannya yang satu lagi tidak berbuat demikian? Undang-undang Keluarga Islam menyatakan bahawa bidang kuasa mengesahkan pembubaran perkahwinan pasangan bertukar agama kepada agama Islam terletak kepada Mahkamah Syariah. Oleh itu adakah perintah yang dibuat oleh Hakim Mahkamah Syariah terpakai ke atas pasangan yang tidak memeluk Islam (Mohamed Azam Mohamed Adil 2014). AMU pula dalam masa yang sama memperuntukkan bahawa pasangan yang tidak memeluk agama Islam boleh membubarkan perkahwinan selepas tiga bulan dari tempoh pemelukan Islam. Dengan itu, adakah perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Sivil terpakai kepada pihak yang memeluk agama Islam memandangkan pengislaman pasangan tersebut. Sekiranya pihak yang tidak memeluk Islam tidak memohon untuk membubarkan perkahwinan, adakah perkahwinan masih dianggap wujud dari sudut undang-undang sivil walaupun menurut undang-undang Islam pembubaran telah berlaku. Ketidakpastian ini boleh memberi kesan kepada pengagihan harta semasa perkahwinan serta harta pusaka.

Berdasarkan kepada kemelut bidang kuasa mahkamah syariah dan mahkamah sivil yang timbul berkaitan pemelukan Islam oleh pasangan perkahwinan sivil, Almarhum Ahmad Ibrahim telah mencadangkan agar Akta 164 AMU dipinda. Selepas lebih kurang 20 tahun cadangan tersebut dikemukakan, pada tahun 2017 usul tersebut telah dibentangkan di Dewan Rakyat melalui Bacaan Kali yang Kedua pada 9hb Ogos 2017 oleh Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said, Mantan Menteri di

Jabatan Perdana Menteri dan dipersetujui oleh 2/3 ahli dewan rakyat untuk membuat pindaan terhadap seksyen 51 AMU. Pindaan yang telah dibuat mendapat persetujuan ramai sarjana perundangan kontemporari seperti Noor Aziah Awal, Nora Abdul Hak dan Nurhidayah Muhammad Hashim kerana pindaan ini memberi ruang kepada pihak yang memeluk agama Islam untuk membuat petisyen perceraian di Mahkamah Sivil sekaligus memberi keadilan kepada kedua-dua belah pihak. Artikel ini menfokuskan tentang implikasi perundangan selepas pindaan Akta 164 terhadap pembubaran perkahwinan dan juga kepada isu pembahagian harta pusaka mualaf di Malaysia.

PEMBUBARAN PERKAHWINAN MUALAF DI MALAYSIA

Pemelukan Islam salah seorang daripada pasangan perkahwinan sivil menyebabkan berlaku implikasi perundangan dari aspek undang-undang keluarga mahupun undang-undang diri pihak yang memeluk agama Islam atau mualaf. Pelbagai perkara-perkara berkaitan yang perlu diselesaikan seperti pembubaran perkahwinan, penentuan agama anak-anak hasil perkahwinan sivil terdahulu, harta sepencharian, harta pusaka dan lain-lain perkara berkaitan. Oleh itu perbincangan dibahagikan kepada dua perkara iaitu pertama tentang pembubaran perkahwinan sivil tersebut dan kedua tentang pembahagian harta pusaka mualaf.

(a) Pembubaran Ikatan Perkahwinan Sivil

Hak memohon Pembubaran perkahwinan sivil kesan apabila salah seorang pasangan perkahwinan sivil memeluk Islam dinyatakan dalam Seksyen 51 AMU. Seksyen 51 AMU memperuntukkan:

- (1) Jika salah satu pihak kepada sesuatu perkahwinan telah masuk Islam, pihak yang satu lagi itu yang tidak masuk Islam boleh mempetisyen untuk perceraian: Dengan syarat bahawa tiada suatu petisyen di bawah seksyen ini boleh diserahkan sebelum tamat tempoh tiga bulan dari tarikh masuk Islam itu.
- (2) Mahkamah boleh apabila membubarkan perkahwinan itu, membuat peruntukan untuk isteri atau suami, dan untuk nafkah, pemeliharaan dan penjagaan anak-anak dari perkahwinan itu, jika ada, dan boleh mengenakan apa-apa syarat ke atas dikri pembubaran itu sebagaimana yang difikirkan patut.

Peruntukan tersebut menyatakan bahawa jika salah satu pihak daripada perkahwinan sivil memeluk Islam, hanya pihak yang tidak memeluk Islam boleh membuat permohonan perceraian tersebut selepas tamat tiga bulan dari tarikh memeluk Islam.

Seterusnya fasal (2) menyatakan mahkamah sivil mempunyai bidang kuasa membuat peruntukan menentukan kadar untuk nafkah suami atau isteri, nafkah jagaan dan pemeliharaan anak-anak serta boleh meletakkan apa-apa syarat dalam dikri tersebut.

Jelasnya menurut undang-undang keluarga sivil tidak mengiktiraf pembubaran perkahwinan secara

automatik apabila berlaku pemelukan agama Islam dikalangan pasangan perkahwinan sivil. (Normi Abdul Malik 2007). Hanya pihak yang tidak memeluk Islam boleh membuat tuntutan pembubaran perkahwinan, mualaf tidak boleh menjadi pihak yang mengambil tindakan.(Ahmad Ibrahim 1999).

Pihak yang memeluk Islam atau mualaf sebenarnya dinafikan hak untuk mengambil tindakan membubarkan perkahwinan berdasarkan seksyen 51 tersebut. Hak untuk keluar daripada perkahwinan yang sedia tidak terpelihara apabila seksyen 51 tidak bersifat mandatori, tetapi bersifat pilihan. Pihak yang tidak memeluk Islam boleh samada untuk membuat permohonan ataupun tidak membuat permohonan. Natijahnya, perwarisan harta antara pasangan perkahwinan sivil akan tergugat. Ini dapat dilihat di dalam kes *Pedley lwn Majlis Ugama Islam Pulau Pinang* [1990] 2 MLJ 307. Pihak yang menuntut adalah seorang yang beragama Kristian Roman Katolik telah berkahwin dengan perempuan seagama dengannya mengikut upacara Roman Katolik pada 12 Februari 1996. Pada 12 Januari 1997, isterinya telah memeluk Islam tanpa pengetahuan pihak suami dan menukar namanya kepada nama baharu berunsur Islam. Pada 12 April 1997, Kadi Besar Pulau Pinang telah menulis kepada pihak yang menuntut dan mengatakan isterinya telah memeluk agama Islam. Pihak yang menuntut dinasihatkan mengikut isterinya memeluk agama Islam dalam tempoh 90 hari. Surat itu juga menyebut bahawa jika dia tidak berbuat demikian, hubungan antara dia dengan isterinya akan tamat mengikut undang-undang Islam. Pihak yang menuntut telah memohon pengisytiharan bahawa kemasukan Islam isterinya tidak menamatkan perkahwinan mereka. Dalam penghakiman yang dibuat, hakim mahkamah tinggi sivil telah membuat keputusan bahawa pernyataan Kadi Besar itu tidak akan menjelaskan kedudukan ikatan perkahwinan yang sedia ada dan tidak mengubah status undang-undang sivil sebagai undang-undang yang mempunyai bidang kuasa ke atas perkahwinan tersebut. Walaupun asasnya, seksyen 3 AMU menjelaskan pemakaian seksyen 51 hanya berlaku dalam keadaan apabila salah seorang daripada pasangan memeluk Islam. Hakikatnya, peruntukan dalam AMU sebenarnya terpakai ke atas semua urusan berbangkit yang timbul daripada perkahwinan sivil sedia ada antaranya mengenai nafkah dan harta, selagi perkahwinan tersebut didaftarkan di bawah AMU.

Keadaan ini juga boleh dilihat di dalam kes *Easwari Visuvalingam lwn Government of Malaysia* [1990] 1 MLJ 86, perayu telah berkahwin dengan si mati mengikut upacara perkahwinan adat Hindu dan perkahwinan tersebut didaftarkan di bawah undang-undang sivil, iaitu AMU. Pihak suami kemudiannya memeluk agama Islam. Sebelum kematianya, si suami menerima penceن sebagai pesara yang berdaftar di bawah Akta Pencen 1980. Sepanjang tempoh suami masih hidup, pihak isteri (perayu) masih kekal di dalam agama Hindu dan tidak

mengemukakan apa-apa tindakan untuk membubarkan perkahwinannya. Oleh kerana, pasangan bukan Islam memfailkan petisyen pembubaran perkahwinan sedia ada, pihak yang memeluk Islam tidak mempunyai kaedah untuk keluar daripada perkahwinan sekalipun menggunakan alasan menukar agama. Bahkan, mahkamah memutuskan bahawa si isteri dari perkahwinan sivil adalah isteri yang sah di sisi undang-undang.

Merujuk keputusan kes tersebut, seandainya pasangan yang tidak memeluk Islam tidak memohon untuk pembubaran perkahwinan, perkahwinan sivil masih sah. Isteri dari perkahwinan sivil boleh menuntuk hak sebagai isteri yang sah, termasuklah mendapat manfaat daripada pihak suami melalui pencennya walaupun pihak suami telah memeluk Islam. Keadaan ini menunjukkan bahawa harta peninggalan dan wang penceن si mati yang beragama Islam masih dianggap hak pasangan yang hidup dan berhak diterima oleh pihak yang bukan Islam, sedangkan perkara ini bertentangan dengan undang-undang Keluarga Islam (Noraziah Mohd Awal, 2007).

Mohamed Azam Mohamed Adil (2014) berpandangan keputusan penghakiman yang dibuat jelas bertentangan dengan hukum syarak yang menegah seseorang bukan Islam untuk mewarisi harta orang Islam. Mengikut undang-undang Islam seorang yang bukan Islam tidak berhak mewarisi harta peninggalan bekas pasangannya yang memeluk Islam walaupun perkahwinan sivil masih lagi belum terbubar semasa kematianya.

Berdasarkan analisa kes-kes yang berlaku, jelas menunjukkan bahawa isu pewarisan harta pasangan yang memeluk Islam bagi pasangan perkahwinan sivil terdahulu amat rumit untuk diselesaikan sekiranya seksyen 51 AMU tidak dipinda. Amalan semasa dan alternatif yang ada untuk pihak yang memeluk agama Islam untuk membubarkan perkahwinan sivil tersebut ialah dengan pergi ke mahkamah syariah untuk membubarkan perkahwinan terdahulu. Namun bagi pihak bukan Islam mereka tidak boleh untuk pergi ke mahkamah syariah kerana mereka bukan Islam. Dan tidak mustahil pihak bukan Islam juga tidak membuat permohonan di mahkamah sivil untuk menfailkan perceraian perkahwinan sivil mereka. Ini akan menyebabkan pihak yang memeluk Islam masih terikat dengan perkahwinan terdahulu menurut undang-undang sivil. Dalam kes *Tan Sung Mooi lwn Too Miew Kim* (1994) 3 MLJ 117 menyatakan Mahkamah Tinggi Sivil mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan berkaitan dengan relief sampingan yang wujud akibat perceraian kerana beliau memeluk. Jika alasan tersebut diterima, maka isteri responden tidak mempunyai remedii di sisi undang-undang kerana beliau tidak berada di bawah bidang kuasa mahkamah syariah.

Berdasarkan perbincangan diatas, jelas menunjukkan bahawa pembubaran perkahwinan sivil

hanya boleh dipohon di mahkamah sivil oleh pihak yang tidak memeluk Islam. Sekiranya permohonan tidak dikemukakan, ikatan perkahwinan sivil pasangan tersebut dianggap masih berterusan. Hal ini semestinya akan memberi kesan dalam isu pewarisan harta bagi pasangan perkahwinan tersebut.

PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA MUALAF DI MALAYSIA SEBELUM PINDAAN AKTA 164

Al-Mauruth atau harta pusaka dari segi bahasa ialah kekal, perpindahan sesuatu daripada seseorang kepada seseorang yang lain atau daripada kaum kepada kaum yang lain, sama ada yang ditinggalkan itu harta atau ilmu. (al-Sabuni, Muhammad Ali, 1996). Manakala dari segi istilah pula ialah sesuatu yang ditinggalkan oleh si mati daripada harta benda dan hak-hak yang akan diwarisi oleh waris-waris disebabkan oleh kematian pewarisnya (al-Jaburi, Abdullah Muhammad & Hamish, Abdulhak, 2008). Bagi harta pusaka merupakan harta yang tidak diwarisi oleh orang Islam daripada orang bukan Islam dan orang bukan Islam kepada orang Islam. Hal ini telah disepakati oleh para ulamak bahawa orang bukan Islam tidak boleh mewarisi harta pusaka saudaranya yang beragama Islam (Abd Karim Zaydan 1993).

Di Malaysia tidak terdapat undang-undang yang khusus berkaitan harta pusaka bagi pasangan perkahwinan sivil yang memeluk Islam. Oleh itu, perlu merujuk kepada hukum syarak. Sebagaimana yang diputuskan di dalam kes *Re Timah binti Abdullah* [1941] 10 MLJ 51, di mana pusaka seorang wanita Jepun yang telah memeluk Islam telah diserahkan kepada baitulmal dan mahkamah memutuskan bahawa warisnya yang bukan beragama Islam tidak berhak untuk mewarisi harta pusaka si mati. Mahkamah dalam kes ini telah merujuk kepada buku terjemahan *Minhaj al-Talibin* daripada mazhab Syafie bahawa orang kafir tidak akan mewarisi harta pusaka seorang beragama Islam.

Manakala dalam kes *Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan lwn Lim Ee Seng & Yang Lain* [2002] 2 AMR 1890, seorang lelaki yang berketurunan cina bernama Chew Tong Lee telah memeluk Islam pada 1973 pada 28 Julai 1988 beliau telah meninggal dunia. Isu dalam kes ini ialah sama ada defenden pertama iaitu balu si mati yang tidak memeluk Islam berhak ke atas harta pusaka si mati. Hakim Datuk Mohd Sani Yusof telah memutuskan bahawa waris-waris si mati yang bukan beragama Islam tidak berhak mewarisi harta pusaka si mati. Oleh yang demikian, Yang Arif Hakim meluluskan pernomboran Majlis Agama Islam untuk membatalkan Surat Kuasa Mentadbir yang sebelum itu telah dikeluarkan kepada defenden pertama. Keputusan ini dibuat berasaskan kepada kes *Re Timah binti Abdullah*.

Harta peninggalan bagi pasangan perkahwinan sivil yang telah memeluk agama Islam hanya boleh diwarisi oleh warisnya yang beragama Islam sahaja berdasarkan hukum syarak. Dan sekiranya tiada

waris yang beragama Islam, keseluruhan harta si mati tersebut akan diserahkan kepada baitulmal (Jasni Sulong, 2014).

KE ARAH PINDAAN AKTA 164

Kesan daripada konflik yang timbul disebabkan oleh seksyen 51 AMU, terdapat beberapa orang sarjana perundungan telah mengemukakan cadangan agar membuat pindaan terhadap seksyen tersebut. Antaranya ialah Ahmad Ibrahim (1992) dan juga Jabatan Peguam Negara yang mencadangkan agar seksyen 51 AMU dipinda supaya perkara-perkara yang berkaitan perkahwinan yang didaftarkan mengikut Akta 1976 adalah dibawah bidang kuasa mahkamah sivil walaupun melibatkan pihak yang memeluk agama Islam dengan alasan supaya kedua-dua pihak sama ada yang beragama Islam atau bukan Islam mendapat keadilan. Sebagaimana yang dinyatakan dalam kertas rang undang-undang Memperbaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) (Pindaan) 2017 yang diedarkan secara rasmi, tujuan pindaan ke atas Akta Memperbaharui Undang-undang (Perkahwinan & Perceraian) 1976 sebagai satu langkah untuk menyelesaikan isu yang berbangkit akibat pemelukan Islam suatu pihak dalam sesuatu perkahwinan. Dinyatakan,

Rang undang-undang ini bertujuan untuk memberikan hak kepada suami atau isteri yang telah memeluk Islam untuk memfailkan petisyen perceraian untuk membubarkan perkahwinan sivilnya di bawah subseksyen 51(1) Akta 164. Pada masa ini, undang-undang tidak memberi kepada suami atau isteri yang memeluk Islam agama Islam. Hak untuk memfailkan petisyen perceraian di mahkamah sivil.... memandangkan hak untuk membubarkan perkahwinan hanya diberikan kepada suami atau isteri yang tidak memeluk agama Islam sahaja.

Selepas lebih dua puluh tahun cadangan ini dikemukakan, akhirnya pada tahun 2016 RUU Memperbaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) (Pindaan) 2016 telah dibentangkan oleh Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said – Menteri di Jabatan Perdana Menteri (ketika itu) pada 21 November 2016 di Dewan Rakyat melalui Bacaan Kali Pertama. Manakala Bacaan Kali Kedua yang dicadangkan telah ditangguhkan kerana mendapat tentangan daripada Persatuan Peguam Muslim Malaysia, Mufti Perak, parti politik seperti Parti Islam seMalaysia (PAS) yang majoritinya berpendapat bahawa pindaan Akta 164 tersebut akan menimbulkan konflik perundungan terutamanya erhadap pengurusan harta selepas seseorang memeluk Islam. Akhirnya pada 10 Ogos 2017, RUU 164 telah diluluskan selepas melalui Bacaan Kali Ketiga di Dewan Rakyat.

Seksyen 51 AMU telah dipinda dengan memasukkan peruntukan berikut,

- (1) Jika satu pihak kepada sesuatu perkahwinan telah masuk Islam-

- (a) salah satu pihak boleh mempetisyen untuk perceraian di bawah seksyen ini atau seksyen 53; atau
- (b) kedua-dua pihak boleh mempetisyen untuk perceraian di bawah seksyen 52.

Kesan pindaan tersebut adalah i) memberi hak kepada kedua-dua belah pihak, suami dan isteri dan ii) pihak yang memeluk Islam boleh memfailkan petisyen perceraian perkahwinan sivil di Mahkamah sivil setelah memeluk Islam. Peruntukan pindaan undang-undang ini juga akan menyelesaikan isu berkaitan penentuan hak jagaan anak dan pembahagian harta perkahwinan bersama bekas pasangannya sebelum memeluk agama Islam dan harta mualaf sama ada yang diperolehi atau yang dipunyai (Rohaniza et al. 2017).

IMPLIKASI PINDAAN SEKSYEN 51 AKTA 164

Pindaan seksyen 51 Akta 164 merupakan satu peruntukan yang sangat penting untuk dipinda bagi mengelakkan kemelut bidang kuasa antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil dalam kes pertukaran agama pasangan bukan Islam (Ahmad Ibrahim 1992). Pindaan tersebut membolehkan pasangan yang memeluk agama Islam atau tidak memeluk Islam untuk mengemukakan petisyen perceraian di bawah seksyen 51 tersebut, iaitu petisyen boleh dibuat selepas tiga bulan dari tempoh pemelukan Islam. Pindaan ini adalah disambut baik serta disokong kerana ia adalah antara pindaan yang pernah dikemukakan oleh Almarhum Professor Ahmad Ibrahim supaya seksyen 51 Akta 164 dipinda bagi memberi ruang kepada kedua-dua pihak suami isteri mendapat remedi di mahkamah (Zuliza Mohd Kusrin et. al. 2017). Pindaan tersebut dibuat bagi memberi ruang dan peluang kepada kedua-dua pihak untuk membuat petisyen perceraian serta membuat lain-lain tuntutan seperti tuntutan terhadap harta dalam perkahwinan. Cadangan ini bukan sahaja memberi keadilan kepada pihak yang bertelagah, malah dapat menyelesaikan konflik bidang kuasa antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil (Najibah Mohd Zin 2018).

Tun Abdul Hamid Mohamad (2017) menyatakan bahawa pindaan ini merupakan satu tindakan yang wajar bagi memberi keadilan kepada pihak yang memeluk agama Islam. Beliau berpendapat bahawa wajar kes berkaitan perkahwinan sivil selepas memeluk agama Islam dibicarakan di mahkamah sivil kerana,

“Perkahwinan berkenaan adalah perkahwinan mengikut undang-undang sivil. Perceraian juga adalah mengikut undang-undang sivil. Mahkamah syariah tidak ada bidangkuasa membicarakan kes perceraian yang berbangkit daripada perkahwinan mengikut undang-undang sivil. Jika kes-kes itu dibicarakan oleh mahkamah syariah, pihak yang tidak memeluk agama Islam tidak boleh membuat tuntutan di mahkamah syariah atau hadir untuk menentang atau membuat tuntutan balas. Ini menyebabkan ketidakadilan kepada pihak yang tidak memeluk agama Islam. Pada masa ini pun kes-kes itu didengar

oleh mahkamah sivil. Apa yang kita hendak lakukan ialah memberi peluang kepada pihak yang memeluk agama Islam untuk membuat permohonan di mahkamah sivil. Pada masa ini hanya pihak yang tidak memeluk agama Islam sahaja yang boleh berbuat demikian. Ini untuk berlaku adil kepada pihak yang memeluk agama Islam”.

(a) Implikasi pindaan seksyen 51 terhadap perkahwinan

Berdasarkan kepada pindaan tersebut, pihak yang memeluk Islam boleh untuk mempetisyen perceraian di mahkamah sivil. Realitinya pindaan ini telah menyelesaikan satu permasalahan dalam isu pemelukan agama Islam bagi pasangan perkahwinan sivil. Dengan adanya pindaan ini pihak yang memeluk Islam mendapat remedy yang sepatutnya sekiranya sebelum pindaan dibuat pihak yang memeluk agama Islam hanya boleh menfaillkan perceraian mereka di mahkamah syariah yang mana perintah mahkamah syariah tidak terpakai untuk pihak yang tidak memeluk agama Islam. Oleh itu, permohonan tersebut dilihat sebagai sia-sia, menyebabkan ramai pihak yang memeluk agama Islam tidak mempetisyen perceraian. Namun setelah pindaan tersebut dibuat pihak memeluk agama Islam berpeluang untuk membuat permohonan perceraian dan perisytiharan perceraian tersebut juga terpakai kepada pihak yang bukan Islam.

Pindaan ini secara langsung dapat menyelesaikan isu pembubaran perkahwinan perkahwinan sivil dan tidak ada isu bagi pasangan yang tidak memeluk agama Islam untuk tidak membubarkan perkahwinan dengan alasan mahkamah syariah tidak menerima orang bukan Islam. Apabila pindaan tersebut dilaksanakan bukan sahaja isu pembubaran perkahwinan, malah banyak isu boleh diselesaikan kerana perkahwinan pasangan tersebut telah terbubar. Begitu juga isu perwarisan bagi pihak yang memeluk agama Islam. Sekiranya perkahwinan telah terbubar secara langsung harta pusaka tidak akan dapat diwarisi oleh pihak yang tidak memeluk agama Islam dan pembahagian harta pusaka boleh dibahagikan kepada pihak yang layak untuk menerima. Sekiranya pihak yang memeluk agama Islam tidak mempunyai waris yang beragama Islam, harta pusaka tersebut akan diberikan kepada baitulmal.

(b) Implikasi Pindaan Seksyen 51 perwarisan harta pusaka

Seksyen 51A adalah pindaan terhadap Akta 164 yang berkaitan pengurusan harta pasangan perkahwinan sivil selepas salah seorang yang memeluk Islam meninggal dunia. Seksyen 51A memperuntukan sebagaimana berikut:

- (1) Jika seseorang yang telah masuk Islam mati sebelum perkahwinan bukan Islam yang orang itu ialah

suatu pihak telah dibubarkan, asset perkahwinan orang itu hendaklah dibahagikan oleh mahkamah antara pihak-pihak berkepentingan mengikut peruntukan seksyen ini apabila permohonan dibuat oleh mana-mana pihak berkepentingan.

Huraian kepada seksyen 51 Akta 164 dipinda adalah “untuk memasukkan seksyen baharu 51A ke dalam Akta 164 untuk memastikan bahawa waris terdekat orang yang memeluk agama Islam kemudiannya meninggal dunia sebelum perkahwinan bukan Islam itu dibubarkan, berhak kepada asset perkahwinan itu. Dalam pembahagian itu, mahkamah hendaklah mengambil kira takat sumbangan yang telah diberikan terhadap pemerolehan asset itu, hutang yang berhutang, tempoh perkahwinan itu dan keperluan anak-anak (Hansard Parlimen 2017).

Berdasarkan peruntukan tersebut pembahagian harta semasa dalam perkahwinan sivil atau dikenali juga sebagai harta sepencarian, wajar diselesaikan di Mahkamah Sivil kerana pihak-pihak yang terlibat menuntut bahagian masing-masing terhadap yang dikumpul ketika perkahwinan terdahulu. Walau bagaimanapun, lebihan daripada harta sepencarian tersebut, sekiranya pasangan yang memeluk Islam telah meninggal dunia, wajar ditentukan agihannya menurut undang-undang diri si mati iaitu undang-undang Islam.

(c) Implikasi Terhadap Mahkamah Syariah

Pindaan terhadap seksyen 51 tersebut masih lagi tidak menyelesaikan isu bidang kuasa Mahkamah Syariah. Setelah pindaan tersebut diluluskan sudah pasti bidang kuasa Mahkamah Syariah menjadi semakin berkurangan dalam menyelesaikan kes-kes yang berkaitan orang Islam. Dalam kes pembubaran perkahwinan pasangan sivil misalnya pihak yang memeluk agama Islam tidak perlu ke Mahkamah Syariah untuk mempetisyen perceraian kerana pihak yang tidak memeluk Islam tidak boleh dibicarakan di Mahkamah Syariah. Namun pindaan 51 tersebut membolehkan pihak yang beragama Islam mempetisyen perceraian di bawah seksyen tersebut.

Pada pandangan penulis pindaan Akta 164 memberi kesan yang besar di dalam isu perundangan di Malaysia yang melibatkan pasangan perkahwinan sivil yang memeluk agama Islam. Secara umumnya, ramai para sarjana perundangan bersetuju dengan pindaan ini malah beranggapan bahawa pindaan tersebut telah menyelesaikan isu. Namun secara tidak langsung sebenarnya pindaan ini akan menyempitkan bidang kuasa mahkamah syariah kerana pihak yang memeluk agama Islam tidak perlu ke mahkamah syariah untuk membubarkan perkahwinan, sedangkan sebelum pindaan pihak yang memeluk agama Islam perlu ke mahkamah syariah untuk membubarkan perkahwinan mereka. Oleh itu, penulis merasakan pindaan ini wajar diperhalusi semula bagi memberi laluan kepada mahkamah syariah untuk mempunyai bidang kuasa terhadap orang bukan Islam. Keselarasan antara seksyen 51 AMU dengan

seksyen 46(2) kemungkinan boleh diperhalusi semula supaya kedua-dua belah pihak mendapat keadilan sekaligus tidak mengurangkan bidang kuasa mana-mana mahkamah.

Oleh kerana pindaan terhadap seksyen 51 tersebut baru diluluskan, masih terlalu awal untuk menilai keberkesanan pindaan tersebut sama ada membantu atau tidak pihak yang memeluk Islam dalam menyelesaikan masalah pembubaran perkahwinan pasangan perkahwinan sivil selagi mana tidak terdapat kes-kes berkaitannya.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas menunjukkan terdapat beberapa implikasi perundangan yang timbul terhadap perkahwinan, perwarisan harta pusaka dan juga Mahkamah Syariah. Pindaan Akta 164 pada tahun 2017 telah membenarkan pihak yang memeluk Islam untuk mempetisyen perceraian di Mahkamah Sivil sekiranya pasangan mereka enggan untuk memeluk agama Islam. Namun, peruntukan tersebut bercanggah dengan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam negeri-negeri di Malaysia yang hanya terpakai kepada orang Islam dan juga perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah tidak terpakai di Mahkamah Sivil. Pindaan ini juga memberi kesan kepada isu perwarisan harta pusaka dengan memasukkan seksyen 51A di dalam Akta 164 yang bercanggah dengan Enakmen Pentadbiran Agama Islam kerana enakmen tersebut mempunyai peruntukan khusus berkaitan perwarisan harta pusaka orang Islam.

RUJUKAN

- Abd al-Karim Zaydan (1993), *al-Mufassal Fi Ahkam al-Mar'iyyah Wa al-Bayt al-Muslim*, Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Ahmad Ibrahim (1992), Dissolution on ground of conversion to Islam. Kertas kerja dalam Conference on reform of the Law Reform (Marriage and Divorce) Act 1976, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (p. 12)
- Al-Jaburi, Abdullah Muhammad & Hamish, Abdulhak (2008). *Ahkam al-Warith wal Wasia wal Wakfu fi Syariah al-Islamiyyah*, Kuala Lumpur: Fajar Ulung Sdn., Bhd.
- Al-Sabuni, Muhammad Ali (1996). *Al-Mawarith fi al-Syari'ah al-Islamiyyah fi Daw al-Kitab wa al-Sunnah*, Damshiq: Dar al-Quran.
- Jasni Sulong, 2014. Hak Saudara Baru Terhadap Harta Pusaka: Analisis Undang-undang Semasa. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. Bil 8: 27
- Mohamed Azam Mohamed Adil, 2014. Penentuan Agama dan Hak Penjagaan Kanak-kanak Menurut Undang-undang Islam. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Najibah Mohd Zin (2018). Ulasan Perundangan Akta Memperbaharui (Perkahwinan dan Perceraian) (Pindaan) (1976).

- Normi Abdul Malik, 2007, Hadanah, dlm. Najibah Mohd Zin et al., Siri Perkembangan undang-undang di Malaysia: Undang-undang Keluarga (Islam), Jilid 14, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Aziah Mohd Awal, 2007. "Perceraian" dlm. Shamsuddin Suhor & Noor Aziah Mohd Awal, Undang-undang Keluarga (Sivil). Jilid 9. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurhafilah Musa & Faridah Jalil, 2017. Implikasi Pemelukan Islam dan Hak Mualaf di Sisi Perlumbaan Persekutuan dari Sudut Matlamat Pembangunan Lestari. Dlm. *Proceeding of The Tuanku Ja'far Conference (TJC) 2017 Governance Towards Sustainable Development Goals*. Bangi: Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zaleha Kamaruddin, 1999. Wanita dan Keadilan. Kuala Lumpur: ANZ Charisma.
- Zuliza Mohd Kusrin et.al, 2017. Perkembangan Penghakiman Kes-kes Pemelukan Islam dan Implikasi Perundungan Terhadap Pindaan Rang Undang-undang Seksyen 51A dan 88A Akta 164. Dlm. Isu Syariah dan Undang-undang Siri 23. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Univeristi Kebangsaan Malaysia.
<https://tunabdulhamid.me/2017/08/pindaan-akta-164-tahniah-kepada-kerajaan/>

Statut

- Akta Memperbarui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976
- Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 Pindaan 2006 (Akta 303)

Rina Fakhizan Mohd Sukri,
Pelajar Pascasiswazah,
rinafakhizan@yahoo.com
Pusat Kajian Syariah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
MALAYSIA.

Zuliza Mohd Kusrin,
zuli@ukm.edu.my
Pusat Kajian Syariah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
MALAYSIA.

Mohd Zamro Muda,
zamro@ukm.edu.my
Pusat Kajian Syariah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
MALAYSIA.

- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 2003
- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002
- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Johor) 2003
- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam 2002
- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam 2005
- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003
- Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004
- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam 2006
- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008
- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004
- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam 2004
- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017
- Hansard parlimen www.parlimen.gov.my/hansard-dewan-rakyat-html 2017
- Ordinan Undang-undang Keluarga Islam 2001 dan seksyen 43(2)
- Kes-kes**
- Eeswari Visvalingam lwn Kerajaan Malaysia [1998] 1 MLJ 86
- Isabela Madeline Roy dan Ors lwn Sarimah Low Abdullah & Ors 5 [2005] 2 MLJ 521
- Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan lwn Lim Ee Seng & Yang Lain [2000] 2 MLJ 572
- Pedley lwn Majlis Ugama Islam Pulau Pinang [1990] 2 MLJ 307
- Re Timah binti Abdullah [1941] 10 MLJ 51
- Tan Sung Mooi lwn. Too Miew Kim [1994] 3 MLJ 117

JOURNAL OF CONTEMPORARY ISLAMIC LAW (2020) 5(1)

KANDUNGAN / CONTENTS

Cabaran Amil Lembaga Zakat Negeri Kedah dalam Revolusi Perindustrian 4.0 <i>The Challenge of Amil in Kedah State Zakat Board in Industrial Revolution 4.0</i> Mohamad Muhaimin Mohamad Zaki, Jasni Sulong, Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani	1-8
Implikasi Pindaan Akta 164 Terhadap Perkahwinan dan Harta Pusaka Mualaf <i>The Implications of the Amendment of Act 164 to Marriage and Inheritance Property of Convert</i> Rina Fakhizan Mohd Sukri, Zuliza Mohd Kusrin, Mohd Zamro Muda	9-15
Rangkaian Guru-guru Shaykh Muhammad Yasin al-Fadani dalam Membentuk Keperibadian Seorang Tokoh Usul Fiqh <i>The Network Teachers of Shaykh Muhammad Yasin al-Fadani in Personal Formation of A Scholar Islamic Jurisprudent</i> Mohd Hanafi Mohd Razali, Muhammad Adib Samsudin	16-25
Pengurusan Pembangunan Portfolio Aset Wakaf: Keterdedahan Risiko dan Pengurusannya <i>The Management of Waqf Asset Portfolio Management: Exposure of Risks and Its Management</i> Wan Mohd Al Faizee Wan Ab Rahaman, Salmy Edawati Yaacob, Mohamad Sabri Harun	26-36

Journal of Contemporary Islamic Law
(2020) Vol. 5(1)

Editor-In-Chief
Dr. Nik Abd. Rahim Nik Abdul Ghani
Co-Editor
Assoc. Prof. Dr. Salmy Edawati Yaacob

Secretary
Dr. Nurul Ilyana Muhd Adnan

Senior Editor
Prof. Dr. Abdul Basir Mohamad
Prof. Dr. Mohd Nasran Mohamad
Assoc. Prof. Dr. Shofian Ahmad
Assoc. Prof. Dr. Zaini Nasohah
Assoc. Prof. Dr. Zuliza Mohd Kusrin
Assoc. Prof. Dr. Mohd Al Adib Samuri

Chief Managing Editor
Dr. Mat Noor Mat Zain

Arabic Copy Editor
Anwar Fakhri Omar

Bahasa Copy Editor
Dr. Mohd Zamro Muda
Md. Yazid Ahmad

Editor
Dr. Mohammad Zaini Yahaya
Dr. Azlin Alisa Ahmad
Dr. Mohd Hafiz Safiai

Published by:
Research Centre for Sharia,
Faculty of Islamic Studies,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Suggested citation style:
Author, (2020), Title, Journal of Contemporary
Islamic Law, 5(1), pages, <http://www.ukm.my/jcil>

eISSN 0127-788X

Copyrights:
This work is licensed under a Creative Commons
Attribution-Noncommercial-No Derivative Works
3.0 Unported License
(<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/>).
You can download an electronic version online. You
are free to copy, distribute and transmit the work
under the following conditions: Attribution – you
must attribute the work in the manner specified by
the author or licensor (but not in any way that
suggests that they endorse you or your use of the
work); Noncommercial – you may not use this work
for commercial purposes; No Derivative Works – you
may not alter, transform, or build upon this work.